

28/03/1997

Selangor belum kesan bukti pembukaan tanah

SUBANG JAYA, Khamis - Kerajaan Selangor belum menemui bukti kawasan di bahagian utara di negeri itu terbabit dalam kegiatan pembukaan tanah hutan secara besar-besaran, sebaliknya kegiatan itu dikesan di bahagian timur.

Bagaimanapun, kerajaan masih meneruskan siasatan mengenainya terutama kegiatan penggondolan dan penebangan pokok yang berleluasa di utara Selangor seperti dinyatakan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, semalam.

Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata setakat ini, kerajaan sudah mengesan kegiatan penggondolan tanah di kawasan timur terutama di Gombak dan Hulu Klang.

Menurutnya, arahan supaya pemaju di kawasan terbabit menghentikan kerja pembersihan tanah sudah dikeluarkan.

Katanya, kerajaan negeri sedia bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan untuk menyiasat dan mengesan kegiatan berkenaan supaya tindakan segera boleh diambil terhadap pihak terbabit.

"Bagaimanapun, sehingga kini, kita belum dapat mengesan kegiatan itu di utara Selangor," katanya.

"Kita tidak pernah membenarkan pembukaan dan pembersihan tanah di negeri ini sewenang-wenangnya kerana semua pejabat daerah diarah memberi perhatian serius mengenainya.

"Saya tidak menafikan kenyataan Dr Ting berhubung perkara ini, dan kita masih menjalankan siasatan mengenainya ... jika ada bukti, kita akan mengambil tindakan.

"Sebenarnya, banyak projek di Selangor membabitkan kawasan hutan tetapi yang menjadi isu sekarang ialah projek di kawasan bukit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan `Seminar Teknologi Tinggi Sebagai Hakikat Hidup: Antara Impian Dan Realiti, Antara Matlamat Dan Cita-cita' di sini hari ini.

Seminar sehari itu dianjurkan Institut Perkembangan Minda (Inmind) dan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) dan dihadiri lebih 200 peserta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, meminta supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjalankan siasatan terhadap kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di utara Selangor.

Kegiatan itu dikesan Perdana Menteri melalui udara ketika dalam penerbangan pulang dari Pahang ke Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menurut Muhammad, kegiatan pembukaan hutan secara berleluasa seperti itu bukan perkara baru kerana banyak projek di negeri ini seperti di Sepang dan Putrajaya membabitkan pembukaan tanah secara meluas.

(END)